

# Pelantar Kerja di Udara

Panduan Rujukan

**JLG**<sup>®</sup>

*reachingout*





## **Pelantar Kerja di Udara JLG®. Prestasi Terserlah.**

Di tapak kerja, hari kerja diukur mengikut produktiviti. Produktiviti anda. Bermaksud anda memerlukan peralatan yang boleh memenuhi tuntutan seharian. JLG mempunyai peralatan yang anda perlukan agar anda boleh menghasilkan hari yang paling produktif. Pengangkat boom artikulasi dan teleskopik yang membawa anda lebih tinggi dan lebih jauh. Pengangkat scissor yang boleh mengendalikan lebih ramai pekerja dan bekalan sekali gus. Pengangkat boom jenis tiang yang mendekati anda dengan kerja anda. Dan pengangkat menegak yang boleh menggantikan fungsi tangga.

Sama ada anda melalui papak atau luar papak, pelantar kerja di udara JLG® berciri liputan kerja lebih luas, muatan berkadar duaan dan mencapai ketinggian yang membolehkan anda menyahut cabaran kerja. Aksesori Stesen Kerja di Sky® yang eksklusif memberikan ciri tambahan serba guna bagi memenuhi lebih banyak cabaran di tapak kerja.

Tingkatkan lagi produktiviti harian anda.



## KANDUNGAN

Pengangkat Boom Artikulasi . . . . 4	Pengangkat Scissor Rupa Bumi Yang Sukar Dilalui . . . . . 18
■ Siri 450 . . . . . 4	Pengangkat Scissor Elektrik . . . . . 19
■ Siri 600 . . . . . 5	Pengangkat Scissor Siri RS . . . . . 20
■ 740AJ . . . . . 6	Pengangkat Scissor Elektrik Besar . . . . . 21
■ Siri 800 . . . . . 7	Pengangkat Tiang Menegak . . . . . 22
■ 1250AJP . . . . . 8	Pengangkat Boom Jenis Tiang . . . . . 23
Pengangkat Boom Teleskopik . . . . 9	Pengangkat Boom Crawler Padat . . . . . 24
■ Siri RS . . . . . 9	Pengangkat Menegak Mudah Alih . . . . . 25
■ Siri 400 . . . . . 10	Pengangkat Menegak Boleh Tolak . . . . . 26
■ Siri 600 . . . . . 11	Aksesori stesen kerja di Sky® . . . . . 27-28
■ Siri 800 . . . . . 12	Ground Support JLG® . . . . . 29
■ Siri Ultra . . . . . 13	
Pengangkat Boom Elektrik . . . . . 14	
■ Siri E300 . . . . . 14	
■ Siri E/M 400 . . . . . 15	
■ Siri E/M 450 . . . . . 16	
■ Siri E/M 600 . . . . . 17	

## Siri II 450 dan Model 340AJ

### PENGANGKAT BOOM ARTIKULASI

## Jangkau Lebih Jauh dengan Lingkungan Gerakan Lebih Luas.

Apabila anda bekerja berkisar tentang seni bina yang rumit atau ruang lebih kecil yang membatasi capaian, Siri 450 membantu anda menyiapkannya. Dengan liputan kerja yang lebih besar pada model jib dan bukan jib, anda boleh melanjutkan lagi jangkauan dan menambahkan produktiviti anda. Sistem Control ADE® (Elektronik Rekaan Maju) yang eksklusif meningkatkan prestasi anda dan kebolehservisan. Sistem kawalan biasa kami, digunakan pada pengangkat boom berkuasa enjin JLG®, bermakna kurang masa latihan, dengan itu menghasilkan lebih panjang masa bekerja.



#### PILIHAN SEPARA TREK

Kekal melakukan kerja sepanjang tahun dalam sebarang keadaan cuaca menggunakan



pakej pilihan Separa Trek. Trek keluli mengendalikan keadaan yang mendesak seperti lumpur, batuan dan pasir manakala sistem pelahu terapung membolehkan roda pacuan tetap mencengkam tanah demi tarikan lebih baik pada permukaan tidak rata.

#### Siri 450 Artikulasi KELEBIHAN

- Liputan kerja lebih besar pada model jib dan bukan jib.
- Jib artikulasi pada model 450AJ membolehkan anda masuk dan keluar dari ruang terbatas.
- Keupayaan rupa bumi sukar dilalui dipertingkatkan dengan kebolehgredan 45%.
- Menyediakan kecekapan bahan api yang lebih baik untuk mengurangkan kos dan meningkatkan masa hidup.

#### Pengangkat Boom Artikulasi Siri II 450 dan Model 340AJ

	340AJ	450A	450AJ	Separa Trek 450
Tinggi Pelantar	33 ka. 10 in. (10.31 m)	45 ka. (13.72 m)	45 ka. (13.72 m)	45 ka. (13.72 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	19 ka. 11 in. (6.06 m)	24 ka. 6 in. (7.47 m)	24 ka. 6 in. (7.47 m)	24 ka. 6 in. (7.47 m)
Lebar Keseluruhan	6 ka. 4 in. (1.93 m)	6 ka. 6 in. (1.99 m)	6 ka. 6 in. (1.99 m)	6 ka. 10 in. (2.08 m)
Berat	9,700 lb (4,400 kg)	15,100 lb (6,849 kg)	16,000 lb (7,257 kg)	15,600 lb (7,078 kg)

## Prestasi Berkuasa setinggi 60 kaki.

Boom artikulasi Siri 600 berciri pilihan casis sempit untuk mencapai kawasan terbatas dan liputan kerja yang terbaik dalam industri – ketinggian 26 ka. 7 in. (8.1 m) ke atas dan melepasi dan sehingga 39 ka. 9 in. (12.12 m) jangkauan melintang. Bercirikan pelantar setinggi 60 kaki dan muatan berkadar duaan 500 lb dan 1,000 lb, model ini memiliki kekuatan dan muatan capaian yang anda perlukan untuk melaksana walau tugas apa sekali pun.

### PELAKSANA SERBA GUNA

Gandar oscilasi sebagai ciri standard dan pacuan empat roda sebagai pilihan memberikan anda prestasi pacuan yang luar biasa pada rupa bumi yang sukar dilalui. Kemudi empat roda pilihan dengan suis tiga kedudukan memberikan ketangkasan yang tiada tandingannya di dalam ruang yang sempit. Kawalan pelantar yang dipertingkatkan telah direka bentuk semula untuk pengendalian yang lebih lancar dan terkawal serta mencapai produktiviti tapak kerja.



### Siri 600 Bersendi KELEBIHAN

- Liputan terbaik yang dicapai melebihi ketinggian 26 kaki ke atas dan melepasi serta sehingga 39 kaki jangkauan melintang.
- Muatan sehingga 1,000 lb.
- Model jib artikulasi membolehkan capaian ke dalam kawasan yang sukar dilalui.
- Casis selebar 7 kaki membolehkan jentera muat masuk ke dalam ruang sempit.
- Prestasi pacuan yang luar biasa dengan adanya ciri standard gandar oscilasi dan pilihan pacuan empat roda.

### Pengangkat Boom Artikulasi Siri 600

	600A	600AJ	600A-N	600AJ-N
Tinggi Pelantar	60 ka. 5 in. (18.42 m)	60 ka. 7 in. (18.46 m)	60 ka. 5 in. (18.42 m)	60 ka. 7 in. (18.46 m)
Muatan Pelantar (Terbatas)	1,000 lb (454 kg)	500 lb (227 kg)	1,000 lb (454 kg)	500 lb (227 kg)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	39 ka. 7 in. (12.07 m)	39 ka. 9 in. (11.81 m)	39 ka. 7 in. (12.07 m)	39 ka. 9 in. (11.81 m)
Lebar Keseluruhan	8 ka. (2.44 m)	8 ka. (2.44 m)	7 ka. (2.13 m)	7 ka. (2.13 m)
Berat	22,150 lb (10,047 kg)	23,050 lb (10,455 kg)	24,100 lb (10,931 kg)	24,200 lb (10,977 kg)

# Model Siri 740AJ

## PENGANGKAT BOOM ARTIKULASI

### Meningkatkan Piawaian Keselamatan untuk Penyelenggaraan Pesawat.

Model 740AJ yang bercirikan 74 ka. (22.6 m) tinggi, melebihi 51 ka. (15 m) jangkauan dan merangkumi ciri keselamatan yang diperlukan untuk melaksanakan penyelenggaraan pesawat ini cukup sesuai untuk menyelenggarakan pesawat walau sebesar mana sekalipun. Tambahkan pelantar Penahan Jatuh, yang membolehkan anda keluar ke pelantar dan bergerak sekitar 270 darjah sepenuhnya di sekeliling pelantar dalam lingkungan enam kaki, di samping masih mempunyai pelindung daripada terjatuh.

#### Model 740AJ Artikulasi

##### KELEBIHAN

- Jib artikulasi membolehkan kedudukan dan capaian tepat kepada semua permukaan luaran.
- Ciri pilihan kompresor udara dalam kenderaan membolehkan penggunaan alatan tangan berkuasa pneumatik.
- Penahan Jatuh sebagai keselamatan tambahan apabila melaksanakan penyelenggaraan di luar pelantar.



Model 740AJ mampu mencapai semua permukaan luar pada kebanyakan pesawat yang dihasilkan hari ini, walau model A380 dan C5B untuk ketenteraan sekali pun.



Ciri pilihan Sistem Sentuh Lembut ini bercirikan susur berlapis tergantung yang mengelilingi bakul pelantar. Penderia kehampiran menyahaktifkan fungsi pergerakan pelantar dan memberi amaran kepada pengendali jika bakul terlalu dekat dengan permukaan pesawat.

#### Pengangkat Boom Artikulasi 740AJ

	740AJ
Tinggi Pelantar	74 ka. (22.56 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	51 ka. 10 in. (15.8 m)
Lebar Keseluruhan	8 ka. (2.44 m)
Berat	36,200 lb (16,420 kg)

## Prestasi Dipertingkatkan — dari Tanah ke Atas.

Anda boleh mencapai lebih tinggi dan menyelesaikan tugas dengan lebih pantas menggunakan model Siri 800. Boom QuikStik® yang eksklusif membawa anda dari tanah sehingga mencapai 80 ka. (24.38 m) dalam masa kurang daripada 50 saat. Sama ada anda merentasi pada atau luar dari rupa bumi yang sukar dilalui, Siri 800 cukup kuat dan serba guna untuk memenuhi keperluan anda.

### CAPAIAN TAMBAHAN DAN PRESTASI DIPERTINGKATKAN

Bercirikan liputan jangkauan terbaik industri setinggi 32 ka. (9.75 m) ke atas dan melepasi serta jangkauan 51 ka. (15.54 m), tiada halangan yang tidak dapat diatasi. Kuasai rupa bumi yang sukar dilalui dengan adanya tarikan dipertingkatkan daripada gandar oscilasi dan kebolehgredan 45%.



Anda inginkan kitar tugas naik dan turun yang lebih pantas—oleh itu kami mencipta boom QuikStik yang eksklusif. Rekaan boom ini membolehkan pelantar diturunkan ke tanah sementara boom menara dinaikkan dan dipanjangkan sepenuhnya.

### Pengangkat Boom Artikulasi Siri 800

	800A	800AJ
Tinggi Pelantar	80 ka. (24.38 m)	80 ka. (24.38 m)
Muatan Pelantar (Terbatas)	1,000 lb (454 kg)	Tidak Berkeajaan
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	53 ka. (16.15 m)	51 ka. 10 in. (15.8 m)
Lebar Keseluruhan	8 ka. (2.44 m)	8 ka. (2.44 m)
Berat	34,300 lb (15,558 kg)	34,300 lb (15,558 kg)



### Siri 800 Artikulasi KELEBIHAN

- Liputan jangkauan terbaik industri — ketinggian 32 ka. (9.75 m) ke atas dan melepasi dengan jangkauan melintang 51 ka. (15.54 m).
- Sistem Elektronik Rekaan Maju (Control ADE®) menyediakan fungsi mesin yang lebih lancar, kecekapan minyak bertambah dan pengeluaran asap berkurang.
- Kebolehgredan 45% dan gandar oscilasi untuk tarikan dipertingkatkan.

# Model Siri 1250AJP

## PENGANGKAT BOOM ARTIKULASI



### Terulung dalam Ketinggian, Jangkauan dan Kuasa.

Apabila kerja anda menghendaki anda bekerja di tempat tinggi dan jangkauan jauh, dapatkan Model 1250AJP. Dengan ketinggian sehingga 60 kaki ke atas dan melepasi serta jangkauan sejauh 63 kaki, 1250AJP sesuai untuk penggunaan yang memerlukan sifat serba guna jangkauan tinggi. Rekaan boom QuikStik® yang eksklusif memberikan kelajuan kitaran lebih pantas — 95 saat dari tanah ke kenaikan — supaya anda boleh menyelesaikan kerja dengan cepat dan cekap. Pengangkat boom Siri Ultra JLG® dilengkapi dengan satu-satunya gandar oscilasi dalam kelas boomnya, memberikan anda kebebasan bergerak menakutkan dalam pakej bersaiz ultra.

### Model 1250AJP

#### KELEBIHAN

Kebolehkendalian optimum dengan kemudi 4 roda.

Perataan pelantar automatik memberikan keselesaan pengendali pada ketinggian 125 kaki.

Muatan berganda untuk lebih ramai pekerja, alatan atau bahan.

#### LINGKUNGAN PERGERAKAN TIADA TANDINGAN

Dengan jangkauan melintang sehingga dan melebihi tinggi 60 ka. 6 in. (18.44 m) dan 63 ka. 2 in. (19.25 m), 1250AJP boleh membawa anda ke mana sahaja tempat kerja anda.



### Pengangkat Boom Artikulasi Siri Ultra


	1250AJP
Tinggi Pelantar	125 ka. (38.1 m)
Muatan Pelantar (Terbatas)	1,000 lb (454 kg)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	63 ka. 2 in. (19.25 m)
Lebar Keseluruhan (Gandar Disentak)	8 ka. 2 in. (2.49 m)
Lebar Keseluruhan (Gandar Disambung)	12 ka. 6 in. (3.81 m)
Berat <sup>1</sup>	44,000 lb (19,958 kg)

1. Pilihan atau piawaian negara tertentu meningkat beratnya.



## Produk Baharu yang Disesuaikan mengikut keperluan anda.

Pelancaran terkini daripada JLG disesuaikan untuk pasaran China. Bercirikan muatan beban sebanyak 227kg, ketinggian pelantar sehingga 24m dan jangkauan melintang maksimum sehingga 17.8m, Siri RS diselenggarakan dalam rekaan, tanpa alat tambahan dan lebih mudah diservis. Antara semua pengangkat boom teleskopik 24m, 24RS ialah model paling ringan iaitu seberat 10,568kg. Begitu juga dengan 18RS, yang cuma seberat 7,348kg. Lagipun, setelah dilipat, Siri RS pengangkat boom teleskopik boleh disimpan dalam kontena 40 kaki, yang jelas sekali menjimatkan belanja pengangkutan dan jumlah kos pemilikan.



### Siri RS Teleskopik KELEBIHAN

- Dengan rekaan diselenggarakan dan seni bina ringkas, siri ini 25% lebih ringan daripada produk yang sebanding dan berciri jimat minyak.
- Dengan pacuan 4 roda, kuasa yang luar biasa dan kebolehgredan 45%, siri ini optimum untuk semua jenis keadaan kerja lampau.
- Disesuaikan untuk pasaran China, siri ini bercirikan prestasi lebih baik / nisbah nilai lebih besar dan kos pemilikan yang lebih rendah.

### Pengangkat Boom Teleskopik Siri RS

	18RS	24RS
Tinggi Pelantar	18.3 m	24.5 m
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	227 kg	227 kg
Saiz Pelantar	0.76 m x 2.27 m	0.76 m x 2.27 m
Jangkauan Melintang	13.1 m	17.8 m
Lebar Keseluruhan	2.49 m	2.49 m
Berat	7,348 kg	10,568 kg

## Siri 400

### PENGANGKAT BOOM TELESKOPIK



## Pengangkat dan Kelajuan Pacuan Terpentas dalam Kelasnya

Alami peningkatan produktiviti dengan model Siri 400. Anda boleh menyelesaikan kerja dengan lebih cepat dan cekap menggunakan pengangkat dan kelajuan pacuan terpentas dalam kelasnya, dan capaian tambahan sehingga 3.5 ka. (1.07 m). Sesuaikan kelajuan fungsi anda menggunakan sistem Control ADE®. Manfaatkan ciri pilihan Separa Trek dan hadapi cabaran rupa bumi yang sukar dilalui menggunakan sistem pelahu terapung untuk tarikan dan apungan yang dipertingkatkan pada permukaan tidak rata atau lembut.

### Siri 400 Teleskopik

#### KELEBIHAN

- Menjangkau sehingga 3.5 ka. (1.07 m) lebih jauh berbanding model-model saingan.
- Ciri pacuan empat roda dan gandar oscilasi meningkatkan keupayaan melalui rupa bumi yang sukar dilalui dengan kebolehgredan 45%.
- Sistem Control ADE membolehkan kelajuan dan pilihan fungsi disesuaikan untuk memenuhi keutamaan pelanggan.
- Muatan pelantar lebih 100% berbanding model saingan (1,000 lb terbatas dan 500 lb tidak terbatas).

#### KEKAL MENGAWAL KEADAAN

Kawalan pilihan pelanggan bermaksud lagi kurang butang dan suis digunakan untuk menentukan kedudukan pelantar dan kurang masa yang diluahkan untuk belajar cara menggunakan kawalan pelantar. Sistem Control ADE® yang eksklusif dan tanpa titik gelincir belakang meningkatkan kebolehselenggaraan mesin manakala dulang ayun keluar enjin memudahkan lagi untuk kerja servis. Bagi tugas yang memerlukan kimpalan, pilih model yang mempunyai sistem pengimpalan Miller® dalam kenderaan.



### Pengangkat Boom Teleskopik Siri 400

	400S	460SJ
Tinggi Pelantar	40 ka. 4 in. (12.29 m)	46 ka. (14.02 m)
Muatan Pelantar (Terbatas)	1,000 lb (454 kg)	Tidak Berkeajaan
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	34 ka. 7 in. (10.54 m)	40 ka. 6 in. (12.34 m)
Lebar Keseluruhan	7 ka. 6.5 in. (2.30 m)	7 ka. 6.5 in. (2.30 m)
Berat	12,650 lb (5,738 kg)	15,850 lb (7,189 kg)

## Kuasai Cabaran Lebih Tinggi dan Rupa Bumi Lebih Sukar Dilalui.

Melalui gabungan berkuasa prestasi dan kebolehpercayaan daripada Siri 600, anda boleh menguasai semua cabaran di tempat kerja anda. Siri 600 JLG® bercirikan muatan pelantar tertinggi dalam industri iaitu sebanyak 1,000 lb (454 kg) dan liputan kerja yang terbesar untuk capaian lebih luas. Lumpur, pasir dan rupa bumi yang sukar dilalui bukan tandingannya untuk ciri piawai gandar oscilasi dan kebolehgredan 45%. Ciri tambahan merangkumi jib artikulasi serba guna untuk gerakan lebih luas, dulang enjin ayun keluar untuk capaian lebih mudah semasa penyelenggaraan rutin dan fungsi mesin yang lebih lancar.

### MERANGKAK MENERUSI SEMUA KERJA SUKAR

Apabila anda memerlukan kebolehan merentas rupa bumi yang terlung, pilih Siri 600 Crawler.

Bahagian bawah crawler, muatan 1,000 lb (454 kg), kebolehkendalian dipertingkatkan pada permukaan lembut dan jejari pusingan sifar membolehkan anda sampai ke kedudukan sepatutnya dengan lebih pantas.



### Siri 600 Teleskopik KELEBIHAN

- Jangkauan melintang lebih 56 kaki untuk capaian lebih luas.
- Jib oscilasi membolehkan liputan pergerakan yang lebih luas.
- Muatan pelantar paling tinggi dalam industri, iaitu sebanyak 1,000 lb (454 kg).
- Kebolehgredan 45% dan gandar oscilasi untuk tarikan dipertingkatkan.

### Pengangkat Boom Teleskopik Siri 600

	600S	660SJ	600SC	660SJC
Tinggi Pelantar	60 ka. 3 in. (18.36 m)	66 ka. 8 in. (20.32 m)	60 ka. 3 in. (18.36 m)	66 ka. 8 in. (20.32 m)
Muatan Pelantar (Terbatas)	1,000 lb (454 kg)	Tidak Berkenaan	1,000 lb (454 kg)	500 lb (227 kg)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	49 ka. 6 in. (15.09 m)	56 ka. 9 in. (17.3 m)	49 ka. 6 in. (15.09 m)	56 ka. 9 in. (17.30 m)
Lebar Keseluruhan	7 ka. 11 in. (2.41 m)	7 ka. 11 in. (2.41 m)	8 ka. 2 in. (2.49 m)	8 ka. 2 in. (2.49 m)
Berat	22,750 lb (10,319 kg)	27,600 lb (12,519 kg)	22,500 lb (10,206 kg)	27,100 lb (12,293 kg)

## Siri 800

### PENGANGKAT BOOM TELESKOPIK



## Capaian Lebih Tinggi. Kawalan Meyakinkan.

Luangkan masa menyiapkan kerja anda. Naik dari tanah ke ketinggian 80 ka. dalam masa kurang daripada 67 saat – 40% lebih pantas daripada saingannya. Mesin 80 kaki ini dilengkapi prestasi yang terbukti boleh melaksanakan tugas – jangkauan melintang sehingga 75 ka. (22.86 m) dan muatan pelantar berkadar duaan sehingga 1,000 lb (454 kg). Casis lebar tetap yang sempit membolehkan anda masuk dan keluar dari ruang terbatas manakala ciri pilihan jib artikulasi 6 ka. (1.83 m) memberi anda capaian ke kedudukan yang diperlukan.

### Siri 800 Teleskopik KELEBIHAN

- Muatan pelantar berkadar duaan sehingga 1,000 lb (454 kg).
- Kebolehgredan 45% dan gandar oscilasi untuk tarikan dipertingkatkan.
- Dulang enjin ayun keluar membolehkan capaian lebih pantas dan mudah untuk penyelenggaraan rutin.
- Kelajuan boom lebih pantas.



### KAWALAN MAJU

Set kawalan yang sama didapati dipasang pada seluruh kumpulan pengangkat boom JLG®. Sistem Elektronik Rekaan Maju (Control ADE®) menyediakan fungsi mesin yang lebih lancar, kecekapan minyak bertambah dan pengeluaran asap berkurang.

### Pengangkat Boom Teleskopik Siri 800

	800S	860SJ
Tinggi Pelantar	80 ka. (24.38 m)	86 ka. (26.21 m)
Muatan Pelantar (Terbatas)	1,000 lb (454 kg)	750 lb (340 kg)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	71 ka. (21.64 m)	75 ka. (22.86 m)
Lebar Keseluruhan (Gandar Disentap)	8 ka. 2 in. (2.49 m)	8 ka. 2 in. (2.49 m)
Berat	33,200 lb (15,060 kg)	36,400 lb (16,511 kg)

## Meninggikan Lagi Produktiviti.

Kuasai tapak kerja dengan Siri Ultra JLG®. Apabila anda menghadapi cabaran tempat tinggi, anda inginkan mesin jitu yang boleh memenuhi atau melangkaui tuntutan seharian. Boom yang tahan lasak memberi keyakinan kepada anda dan sokongan yang diperlukan untuk mengendalikan muatan 1,000 lb pada ketinggian 150 kaki. Arka terkawal eksklusif mengawal kelajuan di pinggir liputan kerja supaya anda dapat merasakan halaju yang sama pada semua kedudukan.

### LEBIH MUATAN

Dengan muatan 1,000/500 lb duaan, pelantar boleh menampung lebih ramai pekerja, alatan atau bahan.



### Teleskopik Siri Ultra

#### KELEBIHAN

- Pacuan empat roda sepenuh masa membolehkan anda melalui rupa bumi yang sukar dilalui.
- SkyPower®, sebuah generator 7,500 watt berterusan dalam kenderaan.
- Sistem penjejakan liputan mengawal kelajuan di pinggir liputan kerja untuk menambahkan keselesaan anda.
- Boom JibPLUS® membolehkan pelantar mencapai sekitar penjuru.\*

\* Muatan terhad kepada 500 lb (227 kg) apabila jib dalam mod ayun ke sisi.

### Pengangkat Boom Teleskopik Siri Ultra

	1200SJP	1350SJP	1500SJ
Tinggi Pelantar	120 ka. (36.58 m)	135 ka. (41.15 m)	150 ka. (45.7 m)
Muatan Pelantar (Terbatas)	1,000 lb (454 kg)	1,000 lb (454 kg)	1,000 lb (454 kg)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	75 ka. (22.86 m)	80 ka. (24.38 m)	80 ka. (24.38 m)
Lebar Keseluruhan (Gandar Disentap)	8 ka. 2 in. (2.49 m)	8 ka. 2 in. (2.49 m)	8 ka. 2 in. (2.49 m)
Lebar Keseluruhan (Gandar Disambung)	12 ka. 6 in. (3.81 m)	12 ka. 6 in. (3.81 m)	12 ka. 6 in. (3.81 m)
Berat <sup>1</sup>	40,900 lb (18,552 kg)	45,000 lb (20,411 kg)	48,000 lb (21,772 kg)

1. Pilihan atau piawaian negara tertentu meningkat beratnya.

## Siri E300

### PENGANGKAT BOOM ELEKTRIK



## Pulihkan Produktiviti.

Pengangkat boom Siri E300 berciri mesra alam disertai prestasi terkemuka industri. Dengan adanya jib artikulasi, anda lebih mudah mencapai tempat yang sukar dijangkau. Pilihan JibPLUS® membolehkan jib dikendalikan dari sisi ke sisi untuk capaian keluar dan sekitar.

### KEBOLEHKENDALIAN. DALAM DAN LUAR.

Kawalan Tarikan Automatik pada Siri E300 meningkatkan tarikan pada permukaan tidak rata atau licin dan memudahkan lagi kebolehkendalian. Kedua-dua roda pacuan berfungsi secara bebas untuk tarikan dipertingkatkan pada permukaan tidak rata dan mengurangkan geseran tayar apabila membuat pusingan sempit.

## Siri E300

### KELEBIHAN

- Muatan pelantar 500 lb (227 kg).
- Pilihan boom JibPLUS® eksklusif membolehkan lingkungan pergerakan sisi ke sisi 180 darjah.
- Tinggi pelantar 30 kaki.
- Peroleh produktiviti lebih tinggi dengan kitar tugas yang lebih lama.
- Mesra alam dengan tiada pengeluaran asap dan bunyi kurang bising.

### Pengangkat Boom Elektrik Siri E300

	E300AJ	E300AJP
Tinggi Pelantar	30 ka. 2 in. (9.19 m)	29 ka. 5 in. (8.96 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	20 ka. 3 in. (6.17 m)	20 ka. 1 in. (6.12 m)
Lebar Keseluruhan	48 in. (1.22 m)	48 in. (1.22 m)
Berat	15,060 lb (6,831 kg)	15,400 lb (6,985 kg)

## Prestasi Sepanjang Masa.

Siri E400 membolehkan anda terus bekerja sehingga 50% lebih lama berbanding pesaing dengan adanya kitar tugas terkemuka industri. Pilihan Berbilang Kuasa membolehkan pengendalian sepanjang masa dan pengecasan bateri lebih pantas menggunakan Sistem Pengecasan Automatik QuikCharge GenSet. Di samping itu, anda boleh memilih antara jib dan bukan jib dengan 2 jenis lebar casis untuk muat pada mana-mana ruang kerja; serta kuasa elektrik atau berbilang bahan api.



### PAPARAN KOD KESILAPAN DALAM KENDERAAN

Dapatkan maklum balas segera tentang status mesin anda.



### Siri E/M400

#### KELEBIHAN

- Muatan pelantar 500 lb (227 kg).
- Pilihan boom JibPLUS® eksklusif membolehkan lingkungan pergerakan sisi ke sisi 180 darjah.
- Tinggi pelantar 40 kaki.
- Peroleh produktiviti lebih tinggi dengan kitar tugas yang lebih lama.
- Mesra alam dengan tiada pengeluaran asap dan bunyi kurang bising.

### Pengangkat Boom Elektrik Siri E400/M400

	E400A Sempit	M400A Sempit	E400AJP E400AJP Sempit	M400AJP M400AJP Sempit
Tinggi Pelantar	40 ka. (12.19 m)	40 ka. (12.19 m)	40 ka. (12.19 m)	40 ka. (12.19 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	21 ka. 2 in. (6.45 m)	21 ka. 2 in. (6.45 m)	22 ka. 5 in. (6.83 m)	22 ka. 5 in. (6.83 m)
Lebar Keseluruhan	—	—	5 ka. 9 in. (1.75 m)	5 ka. 9 in. (1.75 m)
Lebar Keseluruhan (Model Sempit)	4 ka. 11 in. (1.50 m)	4 ka. 11 in. (1.50 m)	4 ka. 11 in. (1.50 m)	4 ka. 11 in. (1.50 m)
Berat	—	—	13,700 lb (6,214 kg)	14,000 lb (6,350 kg)
Berat (Model Sempit)	13,100 lb (5,942 kg)	13,400 lb (6,078 kg)	14,900 lb (6,759 kg)	15,200 lb (6,895 kg)

# Siri E/M450

## PENGANGKAT BOOM ELEKTRIK

### Pengangkat Boom Elektrik.

#### CAPAIAN LEBIH MUDAH, PRODUKTIVITI LEBIH TINGGI.

Luangkan masa yang pendek untuk peletakan dan masa lebih panjang untuk bekerja dengan adanya kelajuan fungsi lebih pantas pada Siri E450. Dengan boom terpanjang dalam kelasnya dan pengendalian berbilang fungsi, anda boleh menyelesaikan lebih banyak kerja di dalam dan di luar bangunan. Ciri pilihan jib artikulasi pula mendekatkan anda dengan kerja anda, memberikan lingkungan pergerakan menegak sebanyak 141 darjah. Sistem Pengelasan Automatik QuikCharge GenSet berbilang kuasa secara automatik mengecbas bateri untuk pengendalian mesin berterusan dan produktiviti dioptimumkan.

#### PRESTASI PAPAK HIDUP DAN MATI

Penderia pada roda memberikan tindak balas supaya sistem kawalan lanjutan boleh memastikan kedua-dua roda pacuan berfungsi secara bebas untuk tarikan dipertingkatkan pada permukaan tidak rata dan penggunaan di luar papak.



### Siri E/M450

#### KELEBIHAN

- Muatan pelantar 500 lb (227 kg).
- Ciri pilihan boom jib yang eksklusif membolehkan pergerakan menegak dalam lingkungan 141 darjah.
- Tinggi pelantar 45 kaki.
- Kawalan Tarikan Automatik memudahkan lagi pergerakan.
- Peroleh produktiviti lebih tinggi dengan kitar tugas yang lebih lama.
- Mesra alam dengan tiada pengeluaran asap dan bunyi rendah.

### Pengangkat Boom Artikulasi Siri E450/M450

	E450A	M450A	E450AJ	M450AJ
Tinggi Pelantar	45 ka. (13.72 m)	45 ka. (13.72 m)	45 ka. (13.72 m)	45 ka. (13.72 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	23 ka. 1 in. (7.04 m)	23 ka. 1 in. (7.04 m)	23 ka. 9 in. (7.24 m)	23 ka. 9 in. (7.24 m)
Lebar Keseluruhan	5 ka. 9 in. (1.75 m)	5 ka. 9 in. (1.75 m)	5 ka. 9 in. (1.75 m)	5 ka. 9 in. (1.75 m)
Berat	12,600 lb (5,715 kg)	12,900 lb (5,851 kg)	14,400 lb (6,532 kg)	14,700 lb (6,667 kg)



# Siri E/M600

## PENGANGKAT BOOM ELEKTRIK



### Mesin 60 kaki yang 'Bersih dan Hijau.'

Siri E600 membolehkan anda mencapai paling tinggi dalam pengangkat boom berkuasa elektrik. Terdapat dalam empat konfigurasi, anda boleh memilih antara elektrik atau berbilang kuasa, artikulasi piawai atau artikulasi dengan JibPLUS®.

Anda boleh bekerja di papak atau di luar papak, tanpa ragu-ragu dengan adanya tayar semua rupa bumi tidak bertanda. Dengan adanya ciri Kawalan Tarikan Automatik, ciri pilihan pacuan semua roda dan gandar oscilasi piawai, anda tidak perlu gusar lagi untuk meredah rupa bumi yang sukar dilalui.

Sama ada tugas anda merangkumi penggunaan, penyelenggaraan, pembinaan atau apa-apa sahaja antaranya yang berkaitan dengan industri, Siri E600 tidak mengeluarkan asap dan tahap bunyinya rendah.

### Siri E/M600 KELEBIHAN

- Jangkauan melintang melebihi 43 kaki.
- Tanpa pengeluaran asap dan pengendalian yang senyap.
- Masa cas semula yang cepat menggunakan sistem berbilang kuasa.
- Berat kasar kenderaan yang rendah iaitu 15,000 lb (6,804 kg).
- Gandar oscilasi sebagai piawai dan pacuan semua roda sebagai pilihan.



### Siri Boom Elektrik E/M600

	E600J	M600J	E600JP	M600JP
Tinggi Pelantar	60 ka. 3 in. (18.36 m)	60 ka. 3 in. (18.36 m)	60 ka. 4 in. (18.39 m)	60 ka. 4 in. (18.39 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)	500 lb (227 kg)
Jangkauan Melintang	43 ka. 3 in. (13.18 m)	43 ka. 3 in. (13.18 m)	44 ka. 5 in. (13.54 m)	44 ka. 5 in. (13.54 m)
Lebar Keseluruhan	7 ka. 11 in. (2.41 m)	7 ka. 11 in. (2.41 m)	7 ka. 11 in. (2.41 m)	7 ka. 11 in. (2.41 m)
Berat	15,200 lb (6,895 kg)	15,500 lb (7,756 kg)	15,750 lb (7,144 kg)	16,050 lb (7,200 kg)

## Siri RT

### PENGANGKAT SCISSOR RUPA BUMI YANG SUKAR DILALUI

## Muatan Lebih Banyak. Pelantar Lebih Besar.

Siri RT yang berkuasa ini membolehkan anda melakukan kerja dengan lebih cekap, melalui pelbagai penggunaan, dengan muatan pengangkat meningkat dan pelantar lebih besar. Apabila anda ingin menyelesaikan tugas tepat pada masanya dan mengikut peruntukan belanja, gunakan Siri RT untuk menyiapkan tugas anda. Pelantar MegaDeck® yang eksklusif boleh membawa lebih ramai pekerja dan bahan naik ke kawasan kerja anda untuk mencapai produktiviti yang optimum. Ciri ini amat diperlukan apabila ada penggunaan yang memerlukan berbilang kepingan drywall atau sisian.



## Pengangkat Scissor Rupa Bumi Yang Sukar Dilalui.

### SAIZ PADAT, CUKUP TANGKAS

Gunakan 260MRT untuk mencapai tempat yang tidak boleh dicapai oleh pengangkat scissor yang lain. Casis 69 incinya yang sempit boleh muat masuk ke dalam ruang yang sempit, manakala ciri piawai pacuan empat roda dan kebolehgredan 35% membolehkan anda melaluinya. Pelantar kerja yang besar disertai sambungan dek luncur keluar sepanjang 4 kaki dan muatan pelantar 1,250 lb boleh memuatkan lebih banyak bahan dan menambahkan produktiviti anda.



### Siri RT

#### KELEBIHAN

- Muatan maksimum 2,250 lb untuk membawa lebih ramai pekerja dan lebih banyak bahan.
- Pelantar MegaDeck berciri ruang kerja melebihi 145 kaki persegi (13.5 m) dan ciri pilihan sambungan dek duaan.
- Kebolehgredan sehingga 45%.
- Ketinggian pelantar 26 ka. (7.92 m), 33 ka. (10.6 m) dan 43 ka. (13.11 m).
- Keupayaan perataan lebih pantas menggunakan jek perataan satu sentuhan yang disediakan sebagai pilihan.
- Kuasa pam piston, pacuan empat roda dan gandar oscilasi memberikan kebolehan melalui rupa bumi yang tiada tandingannya.

### Pengangkat Scissor Rupa Bumi Yang Sukar Dilalui

	260MRT	3394RT	4394RT
Tinggi Pelantar	26 ka. (7.92 m)	33 ka. (10.06 m)	43 ka. (13.11 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	1,250 lb (567 kg)	2,250 lb (1,020 kg)	1,500 lb (680 kg)
Saiz Pelantar	65 x 102 in. (1.65 x 2.59 m)	86 x 150 in. (2.18 x 3.81 m)	86 x 150 in. (2.18 x 3.81 m)
Lebar Keseluruhan	5 ka. 9 in. (1.75 m)	7 ka. 10 in. (2.39 m)	7 ka. 10 in. (2.39 m)
Sumber Kuasa	2 Jenis Minyak 24.5 hp (18.3 kW) Diesel 23.5 hp (17.5 kW)	2 Jenis Minyak 82 hp (61 kW) Diesel 49 hp (36.5 kW)	2 Jenis Minyak 82 hp (61 kW) Diesel 49 hp (36.5 kW)
Berat	7,360 lb (3,338 kg)	11,910 lb (5,402 kg)	15,300 lb (6,940 kg)

## Bersedia untuk Bekerja Lebih Masa.

Nikmati faedah masa pengecasan yang kurang dan masa jalan lebih lama menggunakan pengangkat scissor Siri ES. Anda boleh melakukan kerja lebih lama, menyelesaikan lebih banyak kerja dalam sehari.

Menggunakan cuma dua hos dan empat lekapan, anda bekerja menggunakan mesin yang lebih bersih, yang mengurangkan keperluan untuk servis berjadual dan mengurangkan kemungkinan bocoran.



### Siri ES KELEBIHAN

- Kos pemilikan lebih rendah.
- Pakej aksesori khusus penggunaan yang eksklusif.
- Pelantar yang lebih besar dan muatan lebih banyak.
- Tiga model selebar 30 in. (76 sm) boleh muat melalui ambang pintu dan laluan sempit.
- Tarikan kedudukan automatik.

Muatan sehingga 1,000 lb, kawalan berkadar untuk pengendalian mudah dan pakej aksesori pilihannya benar-benar memberikan anda perkara yang diperlukan untuk menyiapkan kerja.

### Pengangkat Scissor Elektrik Siri ES

	1930ES	2030ES	2630ES	2646ES	3246ES
Tinggi Pelantar	18 ka. 9 in. (5.72 m)	20 ka. 6.10 m	25 ka. 6 in. (7.77 m)	26 ka. 7.92 m	31 ka. 9 in. (9.68 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)	800 lb (363 kg)	500/800 lb (227/363 kg)	1,000 lb (454 kg)	700/1,000 lb (318/454 kg)
Saiz Pelantar	30 x 73.5 in. (0.76 x 1.87 m)	30 x 90.5 in. (0.76 x 2.3 m)	30 x 90.5 in. (0.76 x 2.3 m)	44 x 98.5 in. (1.12 x 2.5 m)	44 x 98.5 in. (1.12 x 2.5 m)
Lebar Keseluruhan	30 in. (76 sm)	30 in. (76 sm)	30 in. (76 sm)	46 in. (1.17 m)	46 in. (1.17 m)
Sumber Kuasa	4 x 6V 220 amp-jam	4 x 6V 220 amp-jam	4 x 6V 220 amp-jam	4 x 6V 220 amp-jam	4 x 6V 220 amp-jam
Berat	2,750 lb (1,247 kg)	3,750 lb (1,700 kg)	4,750 lb (2,155 kg)	4,770 lb (2,163 kg)	4,780 lb (2,168 kg)

## Siri RS

### PENGANGKAT SCISSOR ELEKTRIK

## Sentiasa Bersedia untuk Bekerja.

Daripada pembinaan komersial hingga penggunaan hospital, sekolah dan penyelenggaraan kemudahan, Siri RS boleh digunakan secara maya di mana-mana sahaja kerja perlu dilakukan. Kelasakan dan reka bentuk ringkas Siri RS menyebabkan mesin ini amat boleh diharapkan. Anda perlukan nilai tanpa mengetepikan prestasi dan kualiti.

Pilih antara dua model yang berciri ketinggian sehingga 9.75 m dan muatan 320 kg. Kawalan pengendali yang inovatif, serupa dengan siri ES, dan jejari pusingan yang sempit memudahkan penggunaan dan pergerakan di tapak kerja. Penunjuk Digital Berbilang Fungsi meringkaskan penilaian bateri dan diagnosis kesilapan.



### Pengangkat Scissor Elektrik Siri RS

	6RS	10RS
Tinggi Pelantar	19 ka. (5.8 m)	32 ka. (9.75 m)
Muatan Pelantar	500 lb (227 kg)	705 lb (320 kg)
Saiz Pelantar	27 x 72 in. (.68 x 1.82 m)	42.5 x 84.7 in. (1.08 x 2.15 m)
Lebar Keseluruhan	32 in. (.812 m)	48 in. (1.22 m)
Sumber Kuasa	4 x 6V 220AH 25 amp	4 x 6V 220AH 25 amp
Berat	3,000 lb (1,360 kg)	5,070 lb (2,300 kg)



### Siri RS

#### KELEBIHAN

- Pemacu elektrik langsung menyampaikan kitar tugas terkemuka industri yang serupa dengan Siri ES.
- Perlindungan lubang pasif menyingkirkan semua bahagian bergerak pada sistem perlindungan lubang, dengan itu mengurangkan keperluan untuk membaiki atau menggantinya.
- Cuma 4 hos diperlukan untuk kebolehpercayaan yang dipertingkatkan.
- Kawasan simpanan bateri mudah dicapai dan tiada laci perlu ditarik keluar.
- Kedua-dua model berupaya memuat tanpa bantuan dan gred terabas sehingga 25%.

## Prestasi Luar Biasa, Pada Papak dan di Luar Papak.

Mengendalikan pelbagai jenis rupa bumi, tanpa bunyi dan asap. Dengan ciri piawai gandar oscilasi, kebolehgredan 35%, tayar semua rupa bumi yang lasak dan pacuan semua roda yang ada, anda boleh melalui luar papak dan masuk lumpur menggunakan pengangkat scissor Siri LE.



Sistem pacuan elektrik langsung yang cekap memberikan kelebihan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas yang mendesak; dan anda mendapat kitar tugas berganda berbanding pengangkat scissor elektrik yang lain melalui penggunaan bateri kitar dalam.

Kawalan tarikan automatik sepenuh masa dan gandar oscilasi menambahkan lagi produktiviti di kawasan rupa bumi yang sukar dilalui.



### Siri LE KELEBIHAN

- Kitar tugas berganda bagi pengangkat scissor elektrik yang bersaing.
- Muatan 1,000 lb (3369LE) pada pelantar dan 250 lb pada sambungan pelantar.
- Tiada pengeluaran asap dan pengendalian senyap untuk penggunaan dalam persekitaran yang sensitif.
- Pilihan berbilang kuasa bercirikan generator berkuasa diesel dalam kenderaan disertai kecekapan bahan api dipertingkatkan untuk memperoleh kos lebih rendah dan pengecasan bateri automatik.

### Pengangkat Scissor Elektrik Besar Siri LE

	3369LE	4069LE
Tinggi Pelantar	33 ka. (10.06 m)	40 ka. (12.19 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	1,000 lb (454 kg)	800 lb (363 kg)
Saiz Pelantar	65 x 115 in. (1.65 x 2.92 m)	65 x 115 in. (1.65 x 2.92 m)
Lebar Keseluruhan	5 ka. 9 in. (1.75 m)	5 ka. 9 in. (1.75 m)
Sumber Kuasa	8 x 6V 370 amp-jam	8 x 6V 370 amp-jam
Berat	9,760 lb (1,247 kg)	10,560 lb (4,790 kg)

# Model Siri 1230ES

## PENGANGKAT TIANG MENEGAK

### Padat. Berkuasa. Produktif.

Pengangkat tiang 1230ES cukup padat untuk muat masuk ke dalam lif dan cukup ringan untuk digunakan pada lantai yang tidak tahan menampung berat. Pacuan elektrik amat cekap membolehkan anda bekerja lebih lama, meningkatkan masa hidup dan menambahkan lagi produktiviti anda. Bercirikan muatan 500 lb, siri 1230ES cukup kuat untuk membawa anda dan peralatan anda, walaupun pada ketinggian maksimum.



#### KEBOLEHSERVISAN

- Pintu bateri ayun keluar semua keluli mempunyai engsel tugas berat.
- Reka bentuk tahan lasak dan tiang 12 kaki yang teguh membolehkannya tahan lama.

#### 98% LEBIH BERSIH

Hos dan gandingan yang lagi kurang bermakna kurang kemungkinan titik bocoran.



#### Siri 1230ES

##### KELEBIHAN

- Jejeri pusingan lima inci untuk ruang kerja yang sempit.
- Menaik dan menurun dalam masa 12 saat untuk produktiviti meningkat.
- Tiada rantai, kabel atau penggelek untuk diselenggarakan atau diganti.

#### Pengangkat Tiang Elektrik 1230ES

	1230ES
Tinggi Pelantar	12 ka. (3.66 m)
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	500 lb (227 kg)
Saiz Pelantar	27 x 49.5 in. (0.68 x 1.25 m)
Lebar Keseluruhan	30 in. (76 sm)
Berat	1,740 lb (790 kg)

## Membolehkan Jangkauan ke Tempat Yang Sukar Dicapai.

Pengangkat tiang menegak Toucan® JLG membolehkan anda bekerja naik, melintasi dan sekitar barisan pemasangan, rak, kerja salur atau sekatan dengan lebih mudah dan tanpa gangguan. Ciri muatan 200 kg dan pacuan berkuasa elektrik berjalan lama boleh meningkatkan produktiviti.

### DIBINA UNTUK MENYAHUT CABARAN KEMUDAHAN ANDA

Penyelenggaraan loji, dan penukangan semula dan pertukaran, pengudangan, pemeriksaan dan pemodelan semula, kontrak am — anda boleh mengharapkan Siri Toucan untuk membantu menjalankan pengeluaran.



### Siri Toucan® KELEBIHAN

- Jib artikulasi serba guna membolehkan jangkauan ke atas dan melepasi sehingga 7.12 m, dan jangkauan melintang sehingga 5.55 m.
- Tiang berputar 345 darjah untuk keupayaan peletakan tiada tandingan.
- Muatan untuk dua pekerja dan bekalan.

### Pengangkat Boom Jenis Tiang Siri Toucan

	T8E	T10E	T12E	T12E Plus
Tinggi Pelantar	6.15 m	8.10 m	9.83 m	10.65 m
Muatan Pelantar	200 kg	200 kg	200 kg	200 kg
Jangkauan Melintang (Pelantar biasa)	1.89 m	2.58 m	4.60 m	5.55 m
Lebar Keseluruhan	0.99 m	0.99 m	1.20 m	1.20 m
Berat (Pelantar biasa)	2,120 kg	2,990 kg	4,300 kg	4,900 kg

## Siri Compact Crawler

### PENGANGKAT BOOM ARTIKULASI ELEKTRIK

## Jangkauan Tempat yang Tidak Boleh Dicapai Oleh Mesin Lain menggunakan Boom Compact Crawler JLG®.

Kini anda boleh pergi ke lebih banyak tempat di sekitar tapak kerja anda dengan adanya trek getah kurang berat pada Boom Compact Crawler yang baharu. Empat jenis model tersedia dengan lingkungan ketinggian bekerja dari 14 m hingga 23 m, Boom Compact Crawler JLG bercirikan pembawa beroda jejak yang memanjat tangga dan casis yang sempit untuk masuk melalui pintu masuk, lapangan, ambang pintu yang biasa dan bangunan awam.



## Siri Boom Compact Crawler

### KELEBIHAN

- Reka bentuk padat memudahkan lagi pengangkutan
- Kebolehkendalian dan kebolehcapaian dipertingkatkan
- Mesra alam — kuasa gabungan elektrik dan pembakaran untuk mencapai penggunaan tenaga yang cekap
- Outrigger diperlukan untuk pengendalian dan memberikan keupayaan perataan
- Cukup ringan untuk muatan lantai rendah dan memudahkan pengangkutan



*Fotograf yang digambarkan dalam penerbitan ini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Mana-mana produk, pelekat atau butiran lain yang digambarkan adalah tertakluk kepada perubahan atau pengubahsuaian mengikut budi bicara pengilang.*

### Siri Compact Crawler

	X14J	X19J	X23J
Tinggi Pelantar	11.9 m	16.67 m	21.10 m
Muatan Pelantar (Tidak Terbatas)	200 kg	200 kg	200 kg
Jangkauan Melintang	6.26 m	5.90 m	11.13 m
Lebar Keseluruhan	0.79 m	0.79 m	0.99 m
Berat	1,430 kg	2,106 kg	3,100 kg

Spesifikasi permulaan — rujuk kepada pihak kilang untuk mendapatkan butirannya.



## Memacu Produktiviti Anda Lebih Tinggi.

Sama ada anda mempunyai tugas yang perlu dilakukan di kilang, pusat peruncitan, lapangan terbang atau bangunan awam, Pengangkat Menegak Mudah Alih JLG® membolehkan anda bekerja lebih lama. Pacuan elektrik langsung yang boleh diharapkan memberikan kuasa manakala bateri kitar lama tanpa penyelenggaraan menyimpan casnya. Pengecas automatik terbina dalam mempunyai keupayaan cas semula lima jam. Pilihan tiga pelantar dengan lekapan tukar cepat satu minit yang eksklusif membolehkan anda menyelesaikan tugas penyelenggaraan dengan cekap.



### PENGENDALIAN DAN KEBOLEHKENDALIAN MUDAH

Selesaikan segera tugas dengan kawalan joystick tunggal Point & Go®. Ciri ini mengendalikan pacuan dan kemudi, serta pengangkatan dan penurunan dengan kelajuan naik dan turun boleh ubah.



### Siri MVL KELEBIHAN

- Boleh pandu pada ketinggian sepenuhnya tanpa outriger.
- Kitar tugas bateri yang panjang.
- Tiang beranod paling tegar dalam industri.

### JEJARI PUSINGAN SIFAR

Rekaan padat membolehkan MVL berpusing pada paksinya sendiri, memudahkan lagi capaian ke kawasan yang ruangannya terbatas.

### Pengangkat Menegak Mudah Alih Siri MVL

	15MVL	20MVL
Ketinggian Bekerja	21 ka. 4 in. (6.5 m)	25 ka. 6 in. (7.77 m)
Lebar Dasar Keseluruhan	29.5 in. (75 sm)	29.5 in. (75 sm)
Muatan Pelantar	500 lb (227 kg)	350 lb (159 kg)
Jejari Pusingan	Sifar	Sifar
Kelajuan Pacuan: (Pelantar Direndahkan)	3.5 bsj/5.6 kmj	3.5 bsj/5.6 kmj
Kelajuan Pacuan: (Pelantar Dinaikkan)	0.6 bsj/1 kmj	0.6 bsj/1 kmj

## Siri AM

### PENGANGKAT MENEGAK BOLEH TOLAK

## Hentikan Senarai Semak Penyelenggaraan Anda

Pengangkat menegak boleh tolak AccessMaster® memberikan tahap nilai dan prestasi yang tiada tandingan. Dari segi kemudahan hingga kebolehkendaliannya, pengangkat AccessMaster boleh memenuhi keperluan anda.

Siri AM menampilkan enam model dengan ketinggian pelantar dari 19 kaki hingga 41 kaki, dan sebuah model yang tidak memerlukan outriger walaupun pada ketinggian sepenuhnya. Daripada penggunaan industri dan penyelenggaraan hingga ke hiburan dan institusi, muatan pelantar 350 lb menyediakan anda ruang untuk bekerja.

### Siri AM

#### KELEBIHAN

- Ketinggian pelantar dari 19 kaki hingga 41 kaki (5.79 hingga 12.50 m).
- Susur keluli bujur tahan lasak.
- Tiang beranod lebih kuat, lebih tegar dan tidak memerlukan penyelenggaraan sepanjang hayat.
- Kit Sambungan Rentang boleh didapati pada semua model AM.



#### MUDAH DIANGKUT

Semua model AM mempunyai alat memuat beroda yang memudahkan pemuatan.

### Pengangkat Menegak Boleh Tolak Siri AMI

	<b>19AMI</b>
Ketinggian Bekerja	25 ka. (7.62 m)
Lebar Dasar Keseluruhan	34 in. (86 sm)
Keseluruhan Ketinggian Disimpan	78 in. (1.98 m)
Muatan Pelantar	350 lb (160 kg)
Saiz Pelantar	28 in. x 26 in. (71 x 66 sm)

### Pengangkat Menegak Boleh Tolak Siri AM

	<b>20AM</b>	<b>25AM</b>	<b>30AM</b>	<b>36AM</b>	<b>41AM</b>
Ketinggian Bekerja	26 ka. (7.92 m)	31 ka. (9.45 m)	36 ka. (10.97 m)	42 ka. (12.8 m)	47 ka. (14.33 m)
Lebar Dasar Keseluruhan	29 in. (74 sm)	29 in. (74 sm)	29 in. (74 sm)	29 in. (74 sm)	29 in. (74 sm)
Keseluruhan Ketinggian Disimpan	77.5 in. (1.97 m)	77.5 in. (1.97 m)	77.5 in. (1.97 m)	104 in. (2.64 m)	104 in. (2.64 m)
Muatan Pelantar	350 lb (159 kg)	350 lb (159 kg)	350 lb (159 kg)	300 lb (136 kg)	300 lb (136 kg)
Saiz Pelantar	26 in. x 25.5 in. (66 x 65 sm)	26 in. x 25.5 in. (66 x 65 sm)	26 in. x 25.5 in. (66 x 65 sm)	26 in. x 25.5 in. (66 x 65 sm)	26 in. x 25.5 in. (66 x 65 sm)



## Aksesori Pengangkat Boom

Pilih daripada pelbagai aksesori yang direka untuk memaksimumkan kecekapan, produktiviti dan keselamatan.

### SKYAIR®

Dengan adanya kompresor udara dalam kenderaan bersepadu, pakej SkyAir memberikan 9.3 CFM pada tekanan sehingga 125 psi.

### SKYGLAZIER®

Satu-satunya dulang kaca dan panel yang diluluskan kilang. Panel dilindungi daripada kerosakan, manakala produktiviti dipertingkatkan apabila kelesuan pengendali dapat dikurangkan.

### SKYPOWER®

Sistem SkyPower merangkumi generator output berterusan 7500W terbina dalam yang disertakan dengan kabel kuasa dan talian udara/air dipasang pada trek kuasa. Selain itu, model ini turut menyertakan kuasa AC serba lengkap untuk menjalankan alatan tangan.

### SKYWELDER®

Dengan pengimpal Miller® CST — 280 terpasang pada pelantar boom SkyPower, ruang dapat dijitamkan semasa memberikan keupayaan kayu dan TIG.

### NITE BRIGHT®

Pakej ini mengandungi lampu 40 watt untuk menerangi tapak kerja anda serta kawasan sekeliling casis demi kebolehlihatan yang lebih jelas.

### PEMBAWA PANEL

Anda tidak perlu menyemakkan pelantar anda dengan drywall, papan lapis atau batu keping. Menggunakan pembawa panel diluluskan kilang, anda boleh memuatkan panel di luar susur sehingga anda bersedia menggunakannya.

### AKSESORI PIPE RACK

Rak paip diluluskan pengilang memberikan pengekalan positif bahan manakala penyimpanan di luar pelantar dapat mencegah kerosakan susur dan mengoptimumkan ruang.

### ANGKUP

Angkup dilekap pada susur yang diluluskan kilang memberikan kemudahan dan kaedah yang selamat untuk menampung bahan dengan selamat semasa anda bekerja menggunakannya.

### STESEN KERJA DI SKY®

Menampung gergaji saling, gerudi, gergaji bulat, pengecas bateri dan peti komponen enam inci kali enam inci. Dulang tarik keluar disertakan untuk menyediakan permukaan kerja yang rata berhampiran puncak susur. Boleh didapati dengan dan tanpa pemalam 12V.



## Aksesori Pengangkat Scissor

Ubah pengangkat scissor anda kepada mesin meningkatkan produktiviti yang serba guna dengan produk Stesen Kerja di Sky® yang eksklusif. Aksesori kami dibina untuk menjimatkan ruang kerja, meningkatkan keadaan kerja dan mengubah pengangkat anda kepada sebuah alat kerja yang cukup besar.

### PAKEJ JURUELEKTRIK

Untuk penggunaan kontraktor elektrik yang memerlukan alatan berkuasa bateri, stesen kerja JLG menyediakan alatan anda yang mudah dicapai dan tidak terletak di lantai pelantar. Meja kerja boleh simpan dan poket beracuan menyediakan ruang yang mencukupi manakala ruang kerja tersedia untuk menyelesaikan tugas.

- Stesen Kerja
- Pepohon juruelektrik, yang boleh mengendalikan enam kili wayar muatan 500 kaki
- Rak Paip<sup>1</sup>
- Pilihan pemalam 12V
- Angkup

### PAKEJ TUKANG PAIP

Rak paip diluluskan pengilang memberikan pengekalan positif bahan untuk kontraktor paip manakala penyimpanan di luar pelantar dapat mencegah kerosakan susur dan mengoptimumkan ruang.

- Stesen Kerja
- Angkup
- Rak Paip<sup>1</sup>
- Pemalam 12V

### PAKEJ PENYELENGGARAAN LOJI

Pakej Penyelenggaraan Loji menggabungkan unsur disukai ramai iaitu pakej Juruelektrik dan Tukang Paip untuk membantu pakar penyelenggaraan loji melaksanakan tugas, daripada pembaikan am hingga ke pemasangan elektrik dan mekanikal.

- Stesen Kerja
- Pemalam 12V
- Rak Paip<sup>1</sup>
- Quik Welder, pengimpal suapan wayar serba lengkap
- Angkup

### QUIK WELDER®

Sesuai untuk kimpalan titik, pengimpal suapan wayar Miller® serba lengkap ini menjimatkan masa dengan cara menyingkirkan keperluan untuk mengalihkan tangki yang besar atau kabel kimpal yang besar dan memakan ruang. Kabel disepadukan pada pengangkat scissor; bateri pengangkat scissor membekalkan kuasa untuk pengimpal.

### SKYPOSITIONER®

Direka untuk meletak perpaipan atau kerja salur yang berat melebihi kepala. Sistem peletakan dilekap pada pelantar dan boleh alih ini merangkumi jek untuk mengangkat barangan berat, dan membolehkan anda meletak objek berat dari depan ke belakang dan sisi ke sisi.

1. Tidak terdapat pada Pengangkat Scissor 1930ES.

## Ground Support JLG®



## Mengutamakan Kerja Anda Melebihi Segala-galanya.

Apabila menyebut tentang Ground Support JLG®, perkara ini berkaitan dengan anda. Produktiviti anda. Kebolehtuntangan anda. Masa hidup anda. Daripada pembelian pertama sebuah peralatan, terus menjalani latihan, alat dan penyelenggaraan ekoran daripadanya.

### PUSAT PANGGILAN PERKHIDMATAN PELANGGAN

Anda boleh yakin bahawa kami akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menyokong anda. Fikirkan kami sebagai pasukan sokongan perkhidmatan penuh peribadi anda yang sedia menanti panggilan anda.

### ALAT GANTI SELEPAS PASARAN

Pastikan peralatan anda berfungsi dengan prestasi optimum dengan alat ganti, aksesori, alat tambahan, alat ganti bina semula dan bersaing yang tulen, dari satu sumber iaitu JLG.



### LATIHAN

Apabila anda mengetahui selok-belok peralatan anda, hasilnya produktiviti tugas anda lebih tinggi. Kursus bimbingan pengajar kami memberikan anda peluang menggunakan sendiri peralatan yang diperlukan demi kejayaan tugas.

### PUSAT PERKHIDMATAN

Keperluan anda. Masa hidup anda. JLG sentiasa bersedia untuk memenuhi setiap keperluan anda, daripada membaiki, membaharui semula, alat ganti hari yang sama dan bermacam-macam-macam lagi. Kami bersedia membantu anda.







**South East Asia Office**

**Oshkosh-JLG (S) Technology Equipment Pte Ltd.**

29 Tuas Avenue 4, Singapore 639379

Phone: +65 6591 9030

Fax: +65 6591 9031

**[www.jlg.com](http://www.jlg.com)**

**Oshkosh-JLG (Tianjin) Equipment Technology Co., Ltd.**

**Shanghai Branch**

Pudong Kerry Parkside, Room 3705

1155 Fang Dian Road, Pudong,

Shanghai 201204, China

DID: 800 819 0050

400 613 0050 (Mobile)

**[www.jlg.com](http://www.jlg.com)**

**An Oshkosh Corporation Company**

Form No.: AWP-BRO-0408

Part No.: 3131571/ASIA

R041207

09.2013

